

Kemerosotan demokrasi di bawah pentadbiran Jokowi: Peranan elit

Taufik¹, Muhamad M. N. Nadzri², Jamaie Hamil³

¹Program Studi Ilmu Hubungan Internasional Universitas Pasundan, Bandung, Indonesia

²Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

³Pusat Kajian Sejarah, Sains Politik, dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

Correspondence: Taufik (email: taufik@unpas.ac.id)

Received: 26 May 2023; Accepted: 16 May 2024; Published: 31 May 2024

Abstrak

Kejayaan demokrasi di Indonesia pada tahun 1998 didorong terutamanya oleh kedinamikan masyarakat. Walaupun beberapa mantan elit politik yang memerintah telah terjejas oleh transformasi politik, sebahagian daripada mereka berjaya bertahan semasa kepimpinan Presiden Jokowi. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan peranan yang dimainkan oleh mantan elit autoritarian dalam bertindak balas terhadap politik dan perubahan politik daripada masyarakat sivil. Secara khusus, ia menyerlahkan bagaimana mereka membina rangkaian komunikasi dengan Jokowi dan ahli parlimen. Artikel itu mengkaji tiga cara golongan elit telah menyumbang kepada kemerosotan demokrasi Indonesia di bawah pemerintahan Jokowi. Ini termasuk menyelia proses pilihan raya, menindas kebebasan awam, dan mengawal pelbagai institusi. Kajian ini menggunakan data primer daripada beberapa informan temu bual dan data sekunder daripada penyiasatan dan laporan media lepas. Selain itu, artikel tersebut berhujah bahawa pentadbiran Jokowi telah memundurkan demokrasi di Indonesia dengan melaksanakan pelbagai kecenderungan autokratik. Ini kerana tingkah laku pragmatik Jokowi sebagai presiden menampung pelbagai kepentingan elit dan gerakan elit adaptif di dalam dan di luar kerajaan.

Kata kunci: Elit, Indonesia, Jokowi, kemerosotan demokrasi

Declining democracy under Jokowi's administration: The role of elites

Abstract

The democracy breakthrough in Indonesia in 1998 was mainly driven by the society's dynamism. While some of the former ruling political elites have been impacted by the political transformation, some of them have managed to survive during President Jokowi's leadership. This article aims to explain the role that the former authoritarian elite played in responding to politics and political change from civil society. Specifically, it highlights how they built a communication network with Jokowi and members of parliament. The article examines three ways in which the elites have contributed to the decline of Indonesian democracy under Jokowi's rule. These include overseeing the election process, suppressing civil liberties, and controlling various institutions. The study draws on primary data from several interview informants and secondary data from investigations

and past media reports. Moreover, the article argues that the Jokowi administration has set back democracy in Indonesia by implementing various autocratic tendencies. This is because Jokowi's pragmatic behaviour as president accommodates various elite interests and adaptive elite manoeuvres inside and outside the government.

Keywords: Elite, Indonesia, Jokowi, democracy decline

Pengenalan

Setelah Reformasi 1998, Indonesia telah berhasil melewati peralihan demokrasi yang stabil tanpa ada ancaman anti-demokrasi yang kuat (Diamond, 2010; Horowitz, 2013; Macintyre & Ramage, 2008). Para elit lama rejim autoritarian turut melakukan adaptasi pada sistem politik dan ekonomi untuk tetap mendapatkan *keuntungan-rente* (Boudreau, 2009; Robison & Vedi R. Hadiz, 2004). Akan tetapi, persoalan penting ialah sistem demokrasi yang telah berjalan dilumpuhkan oleh kerana rasuah dan penguatkuasaan undang-undang yang lemah. Banyak negara di dunia yang telah berjaya dalam peralihan demokrasi tetapi tidak mampu mempertahankannya. Ini berlaku kerana pemerintah yang terpilih secara demokratik ialah elit-elit yang telah beradaptasi dan turut menyertai pilihan raya sehingga apabila berkuasa mereka melakukan amalan autokratik lama yang berimpak kepada hakisan institusi, aturan dan norma demokrasi (Loxton, 2018; Taufik et al., 2023b). Elit politik lama tersebut mengambil bahagian dalam melemahkan institusi penguatkuasaan undang-undang dan menyertai dalam peraturan dan undang-undang secara ortodoks terselubung (Eny Haryati et al., 2003; Haggard & Kaufman, 2021). Dalam konteks ini, sistem pilihan raya di Indonesia merupakan hasil daripada penyatuan elit supaya mereka dapat bertahan dalam lingkaran kuasa kerajaan.

Selama penggal pertama pentadbiran Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) terus berupaya untuk memerintah secara berkesan terutamanya apabila memerlukan sokongan daripada parlimen. Namun, digambarkan juga sebagai rejim yang memiliki kelemahan daripada segi tadbir urus baik seperti dalam hal pembasmian rasuah, parti politik tidak diinstitusikan dengan baik, dan menampung kepentingan elit (Aspinall, 2010; Tomsa, 2010b). Walaupun demokrasi stabil tetapi pada akhir masa pemerintahan SBY, ia telah digambarkan sebagai era demokrasi yang jumud (*stagnant democracy*) (T. Power & Warburton, 2020b; Tomsa, 2010a, p. 309). Pun demikian petunjuk kemunduran demokrasi telah terlihat pada penggal kedua kuasanya kerana terdapat parti gabungan yang luas (Fealy, 2011; Mietzner, 2012). Juga, berat hati mencabar kuasa anti demokrasi yang muncul dan kegagalannya untuk menyatakan keuntungan institusi yang lebih penting (Aspinall et al., 2015b). Adapun sebarang tanda kemerosotan demokrasi berterusan terutama terdapat penglibatan elit dominan dalam politik sehingga proses pemilihan calon presiden tahun 2014 membangkitkan populisme, iaitu: Jokowi (teknokrat-populisme) dan Prabowo (ultra-populisme) (Mietzner, 2015). Juga, berkesan kepada polarisasi politik dengan narasi-narasi permusuhan yang tidak demokratik.

Populisme Jokowi membangkitkan semangat baharu bagi aktivis pro-demokrasi dan masyarakat sivil kerana beliau dianggap sebagai simbol penentangan terhadap dominasi elit oligarki yang telah lama berakar umbi di Indonesia. Akan tetapi, kemunculannya malah dimanfaatkan oleh elit politik lama yang beradaptasi dan melakukan kompromi dengan elemen-elemen autoritarianisme lama tersebut. Ini menimbulkan kekecewaan dalam kalangan masyarakat sivil terutama setelah beliau berkuasa. Dengan begitu, demokrasi di Indonesia semasa era Jokowi

mengalami kemunduran dan amalan yang tidak liberal daripada kerajaan (Taufik et al., 2023a; Warburton & Aspinall, 2019). Ini terus berlaku hingga penggal kedua pentadbirannya yang menunjukkan bahawa beliau tidak komited terhadap nilai dan prinsip demokrasi. Dalam hal ini, setiap ahli politik cenderung akan memberikan kesan patuh terhadap nilai dan prinsip demokrasi tetapi apabila telah menang dalam proses pilihan raya ia akan meninggalkan norma tersebut (Levitsky & Ziblatt, 2018, p. 27). Juga ada kemungkinan mereka yang bertindak sebagai demokrat semasa kempen kan menjadi autokrat apabila menjadi presiden seperti kemunculan populisme di Filipina dan Thailand pada era Duterte dan Takhsin (Kurlantzick, 2018). Sehingga, yang berlaku ialah autokratisasi walaupun negara patuh terhadap sistem demokrasi pilihan raya (Mudde & Kaltwasser, 2017; Skaaning, 2020). Dengan berfokus kepada kepimpinan presiden Jokowi sejak tahun 2014 hingga 2022, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan kemunduran demokrasi di Indonesia di bawah pentadbiran Jokowi. Untuk memahami secara menyeluruh, artikel ini akan membincangkan corak kemunduran demokrasi yang dilanjutkan dengan perbincangan mengenai Jokowi yang tidak komited terhadap demokrasi. Seterusnya, artikel ini diakhiri dengan kesimpulan daripada keseluruhan analisis dan dapatan kajian.

Sorotan kajian lepas

Para sarjana telah mengkaji pendemokrasian dengan melihat situasi domestik sesebuah negara. Pendemokrasian dapat difahami sebagai tempoh transisi yang dialami oleh negara-negara yang mempunyai sistem politik bukan demokrasi menjadi negara demokrasi. Dalam hal ini, negara yang mengalami perubahan biasanya adalah negara yang mempunyai sistem autoritarianisme (Huntington, 1991; Mansfield & Snyder, 2002, 2005). Selalunya, penanda aras bagi pendemokrasian ialah mengadakan pilihan raya yang bebas dan adil. Sudah tentu, ini berbeza dengan pilihan raya di negara yang mempunyai rejim bukan demokratik, yang biasanya diadakan untuk mengumpulkan sokongan agar pemerintah terus berkuasa. Proses peralihan demokrasi secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu: berakhirnya rejim bukan demokrasi, perasmian kerajaan demokrasi, dan proses konsolidasi ataupun penyatuan (Huntington, 1991). Dalam konteks ini, demokrasi Indonesia dianggap berjaya dalam melakukan transformasi dan peralihan politik daripada autoritarianisme Suharto kepada sistem demokrasi (Mietzner, 2012; Pepinsky, 2014).

Menurut Davidson (2018), selepas Suharto, demokrasi di Indonesia terbahagi kepada tiga penggal, iaitu inovasi, jumud, dan era polarisasi. Tempoh inovasi ialah tempoh 1998 hingga 2004. Ia menunjukkan pembaharuan politik, penghapusan doktrin dwi fungsi Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) dengan memisahkan polis dan tentera, pembentukan Mahkamah Perlembagaan (MK) dan pengenalan sistem desentralisasi (Davidson, 2018, p. 10). Dalam tempoh ini, dinamik politik Indonesia semakin kuat dengan kemunculan kumpulan Islam konservatif yang memainkan peranan aktif dalam politik kerana Suharto membenarkan kumpulan ini untuk membina pangkalan sokongan baharu pada awal 1990-an (Davidson, 2018, p. 22). Padahal sebelumnya, ia telah mencabar Islam untuk berekspresi ataupun menunjukkan kewujudannya secara berlebihan (Darmawijaya, 2015).

Sementara itu, masa kepimpinan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) dikenali sebagai tempoh *stagnant democracy*. Tempoh ini ditakrifkan sebagai tempoh 'kelelahan dan kekecewaan' di mana parti politik berpakat untuk mengekalkan akses kepada "keuntungan". Malah, SBY dilihat sebagai presiden yang berhati-hati dalam membuat keputusan sukar dengan

mengutamakan *status quo* sehingga memberi kesan kepada pembaharuan politik terbantut (termasuk sosial politik) serta memburukkan lagi gejala rasuah (Aspinall et al., 2015a; Davidson, 2018, p. 25). Walaupun demikian, pada tempoh ini, demokrasi Indonesia cenderung stabil tetapi kualitasnya rendah (Fealy, 2011; Mietzner, 2012; Tomsa, 2010a). Dalam konteks masyarakat sivil, peningkatan populisme Islam membawa kepada serangan fizikal ke atas kumpulan minoriti. Ini menimbulkan dominasi beberapa etnik atau agama di kawasan tertentu dan seterusnya menimbulkan pempolitan etnik dan agama dalam pemilihan ketua wilayah (Davidson, 2018, p. 36).

Manakala era polarisasi telah muncul sejak masa kepimpinan Presiden Jokowi (Davidson, 2018, p. 43) dan mencapai kemuncaknya sekitar tahun 2016-2017 apabila muncul kumpulan Islam yang melakukan protes secara hebat dan menentang pluralisme berkenaan dengan video kutipan Al-Quran oleh Gubenor DKI Jakarta, Basuki Tjahaya Purnama, yang dikenali sebagai Ahok (Davidson, 2018, p. 54). Kempen anti-Ahok dilihat sebagai langkah taktikal pada masa Pemilihan Raya Gubenor tahun 2018. Isu ini berterusan sehingga ia digunakan juga untuk melawan Jokowi dalam Pilihan Raya Presiden 2019 dengan seruan #2019GantiPresiden. Kempen ini berkembang secara berterusan dan besar-besaran di pelbagai platform media sosial (Power, 2018).

Dalam konteks proses pendewasaan pendemokrasian, Levitsky dan Ziblatt (2018) mengingatkan bahawa terdapat keperluan untuk saling bertolak ansur dan menghormati kesahihan politik pembangkang, termasuk menekankan bahawa ahli politik tidak seharusnya terlibat dalam agenda politik atau bermain dalam mengatur perlembagaan dengan taktik kluster mahkamah (*court packing*), menyekat pencalonan, menyalahgunakan dana, dan sebagainya, hanya untuk kepentingan mengekalkan keseimbangan fungsi kerajaan atau pemerintah. Ini kerana ia boleh memberi kesan kepada kejatuhan demokrasi (demokrasi mati) di negara yang berpegang kepada sistem demokrasi pilihan raya. Petunjuk kejatuhan demokrasi yang digambarkan oleh Levitsky dan Ziblatt sebenarnya berlaku di Indonesia dengan tambahan naratif “baik” tetapi “menenggelamkan”. Malahan, kemerosotan demokrasi berlaku apabila munculnya gelombang autokrasi di sesebuah negara, sehingga memunculkan gelombang autokratisasi yang menggambarkan de-pendemokrasian. De-demokrasi pula sering dikaitkan dengan kemunculan populisme dalam sesebuah negara (Mudde & Kaltwasser, 2017, p. 87; Skaaning, 2020, pp. 1533–1534).

Bagi melihat kemerosotan demokrasi di Indonesia secara keseluruhan, perlu juga dilihat bagaimana aktor khususnya golongan elit memainkan peranan. Aktor atau elit ini terus melakukan gabungan baik dari dalam mahupun luar kerajaan, baik di institusi eksekutif mahupun perundangan untuk kepentingan mereka; dengan tujuan mengukuhkan kuasa dalam rejim. Corak pengaruh elit politik dan oligarki telah dilakukan sejak sebelum pentadbiran Jokowi. Akhirnya mereka menggunakan kuasa dan pengaruh melalui jaringan komunikasi yang dibina bersama Jokowi dan ahli parlimen lainnya (Taufik et al., 2023a). Unsur-unsur autoritarian lama, seperti elit politik, perniagaan, dan ketenteraan telah menyesuaikan diri dengan sistem politik dan ekonomi Indonesia selepas kejatuhan Suharto (Taufik et al., 2023b). Gerakan golongan elit ini akhirnya mengakibatkan kemerosotan kualiti demokrasi kerana mereka membawa gagasan daripada rejim autoritarian Suharto, termasuk corak inovasi autoritarian (Mietzner, 2019a; T. P. Power, 2018; Warburton, 2018). Sementara Dan Slater (2018) melihat fenomena pembahagian kuasa yang sembarangan hampir sama dengan sistem kartel politik. Dengan begitu, Indonesia telah masuk kepada rejim *hybrid* yang samar-samar (*ambiguous*) atau bahkan semu, iaitu sistem demokrasi dijalankan tetapi pelbagai tindakan kerajaan mengarah kepada sikap autoritarian (Diamond, 2002).

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjelaskan secara menyeluruh fenomena kemerosotan demokrasi di Indonesia khususnya di bawah pentadbiran Jokowi. Pendekatan ini mengutamakan deskriptif sehingga teknik analisis yang digunakan juga berdasarkan pola induktif dengan memahami makna dan meneroka masalah-masalah kemanusiaan (Creswell, 2014, pp. 1–2). Beberapa hujah daripada sarjana digunakan untuk mengukuhkan idea yang dibina dalam penyelidikan ini. Kajian ini menggunakan data primer dengan melakukan temu bual dengan mengajukan soalan kepada informan kunci untuk mendapatkan makluman tentang kajian ini bagi mendapatkan pemahaman berkenaan dengan tema penyelidikan. Temu bual dalam penyelidikan ini dengan cara bersemuka dan *zoom cloud meeting* dengan sarjana politik dari Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN), aktivis dari Yayasan Lembaga Bantuan Hukum Indonesia (YLBHI), mantan menteri dalam kabinet Jokowi. Dalam menentukan informan, penyelidikan ini menggunakan *purposive sampling* dengan memilih kriteria informan berdasarkan kelayakan dan kaitannya dengan topik penyelidikan, status, kedudukan dan pekerjaan (Neuman, 2014, p. 274). Manakala data sekunder daripada pelbagai artikel dalam jurnal, buku, dan berita media. Juga, penyelidikan ini cuba memberikan gambaran keseluruhan mengapa elit memberikan kesan kepada dinamik demokrasi di Indonesia, malah mundur dan cenderung kepada tingkah laku autokratik pada rejim Jokowi

Dapatan Kajian

Demokrasi mundur di bawah pentadbiran Jokowi

Dalam menjalankan kerajaan elit politik perlu mengilhami saling bertolak ansur dan hormat kepada legitimasi politik pembangkang. Selain itu, adalah penting bagi ahli politik untuk mengelak daripada melanggar agenda politik atau melanggar perlembagaan dengan menggunakan taktik "pembungkusan mahkamah", menyekat pencalonan, menyalahgunakan dana, dan sebagainya semata-mata untuk memastikan fungsi kerajaan kekal dalam keseimbangan. Ini akan menyebabkan demokrasi runtuh di negara yang mempunyai sistem pilihan raya demokrasi (Levitsky & Ziblatt, 2018). Dalam tempoh kepimpinan Jokowi, kemerosotan demokrasi digabungkan dengan dakwaan yang tidak menyenangkan tetapi berbahaya yang dicipta oleh pihak berkuasa yang cuba menyatukan kepentingan mereka, sama ada di dalam atau di luar kerajaan, untuk mengukuhkan kerajaan mereka. Dalam kes ini, pihak berkuasa menggunakan pelbagai kaedah untuk berkomunikasi dengan Jokowi dan ahli parlimen, seperti: 1) mengawal dan mengendalikan pelbagai institusi, seperti media, polis, atau institusi pendidikan; 2) mengawal proses pilihan raya dengan memanipulasi dan mengurus sistem pilihan raya; 3) manipulasi undang-undang dengan tujuan untuk menutup mulut pengkritik rejim.

a. Sistem pilihan raya: Kawalan politik terkekang

Setelah Reformasi 1998, sistem pilihan raya turut dirubah melalui Undang-Undang (UU) No. 2 Tahun 1999 tentang parti politik, UU No. 3 Tahun 1999 tentang pilihan raya, dan UU No. 4 Tahun 1999 tentang kedudukan lembaga legislatif. Seterusnya, Undang-Undang Dasar (UUD) 1945 juga dirubah sebanyak empat kali ganda setelah pilihan raya tahun 1999. Ini bertujuan untuk

memperjelas norma UU yang berkenaan dengan hak warga negara dalam sistem demokrasi. Namun, perubahan sistem pilihan raya daripada berkadar tertutup menjadi berkadar terbuka malah membangkitkan amalan politik wang sumbangan (Aspinall & Mada Sukmajati, 2016; Burhanuddin Muhtadi, 2018). Ini kerana calon anggota legislatif berupaya untuk mendapatkan hati pengundi supaya berkenan untuk memilih mereka apabila pilihan raya. Lebih teruk lagi, ialah bila mereka tidak berjaya mendapat undi yang cukup kadangkala derma yang telah diagihkan ditarik semula daripada komuniti dan masyarakat (Michael Hangga Wismabrata, 2019). Sehingga, perubahan sistem pilihan raya justeru memudarkan semangat demokrasi yang jujur kerana telah dicemari oleh amalan elit yang tidak mempunyai etika politik.

Manakala pilihan raya presiden pada 20 hari bulan Oktober 1999 dilaksanakan melalui sidang Majlis Perwakilan Rakyat (MPR), tetapi selepas itu sistem pilihan raya di Indonesia telah banyak perubahan terutamanya tahun 2004, 2009, 2014 dan 2019. Dalam konteks ini, dalam pilihan raya presiden tahun 2004 dan 2009 mewajibkan calon presiden dan naib presiden disandang oleh parti atau gabungan parti politik yang mempunyai peratusan ambang pencalonan. Corak semacam ini mengembangkan amalan klientelisme yang berpusat kepada parti politik, di mana parti boleh mengakses sumber daya patronase dan menjadi saluran pengedaran sumber daya (Aspinall & Berenschot, 2019). Impaknya ialah sistem pilihan raya yang dirancang oleh kerajaan telah menutup peluang parti baharu untuk muncul dan/atau bertahan tanpa sokongan dan perlindungan daripada elit, terutama oligarki (Informan 1, 2022). Sehingga, ini menunjukkan bahawa parti politik akan menjadi parti yang pragmatik tanpa asas ideologi yang kuat demi jalan kuasa.

Perubahan aturan pilihan raya dalam telah memperkuat asas demokrasi di Indonesia tetapi aturan tersebut telah memberikan dua impak yang bercanggah, iaitu: 1) telah membangunkan sistem demokrasi pilihan raya di mana rakyat boleh memilih secara langsung calon ahli perundangan walaupun mereka tidak mengundi sesuatu parti; 2) telah menghadkan hak rakyat untuk mencalonkan jawatan presiden. Ini kerana UU yang disahkan oleh ahli perundangan di parlimen bahawa “calon presiden harus diusung oleh parti politik atau gabungan parti politik” sehingga akan mengecilkan peluang bagi warga negara yang hendak mencalonkan diri menjadi presiden atau naib presiden. Juga, diburukkan lagi dengan aturan *presidential threshold* sebanyak 20% jumlah kerusi parti di parlimen atau 25% hasil pengundi daripada pilihan raya legislatif. Walaupun tujuan daripada peratusan ambang presiden untuk keseimbangan parlimen dan kerajaan tetapi malah menghilangkan hak perlembagaan parti politik dalam mencalonkan presiden dan hak rakyat untuk menentukan calon presiden (No. 42/2008 tentang pilihan raya presiden). Dalam hal ini, calon presiden dalam pilihan raya presiden tahun 2014 dan 2019 hanya boleh dicalonkan oleh parti atau gabungan parti politik yang ada dalam parlimen. Ini menunjukkan bahawa elit politik dan oligarki berupaya untuk memperkecil persaingan dalam pilihan raya sehingga parti-parti kecil bukan oligarki pada pilihan raya 2019 menjadi hilang (Mietzner, 2019b). Sehingga, peraturan ambang ini hanya menguntungkan kuasa pemerintah (*ruling power*) atau parti besar yang sudah mempunyai asas kuasa politik. Selain itu, pilihan raya 2019 juga telah mengukuhkan status Indonesia sebagai negara demokrasi pilihan raya yang bercirikan daya saing antara elit (Aspinall & Mietzner, 2019). Pada akhirnya elit parti dan oligarki telah menyumbang kepada penurunan kualiti pilihan raya yang tidak liberal di Indonesia, malah sarat dengan penglibatan dan muslihat elit berkepentingan.

Selain itu, pelaksanaan sistem pilihan raya berasaskan UU pilihan raya No. 7 tahun 2017 berimpak kepada polarisasi kerana telah menutup kesempatan bagi pelakon politik dari luar spektrum untuk mencalonkan diri dan membuat pertandingan menjadi lebih dinamik. Malah


diburukkan lagi setelah pilihan raya presiden, Jokowi telah berupaya menghilangkan pembangkang dengan menarik Prabowo dan Sandi menyertai dalam kabinet. Sehingga, yang berlaku ialah parti politik menjadi “mandul” dan tidak mampu menjadi saluran kekuatan politik alternatif serta hilangnya fungsi *check and balances* yang maksimum dalam sistem pemerintahan. Akibatnya, masyarakat sivil yang mulanya menyokong dan menaruh harapan tinggi kepada Jokowi menjadi mundur dan beralih kepada spektrum atau saluran baharu seperti, organisasi atau badan bukan kerajaan. Mereka berperanan sebagai kelompok penekan dalam sistem politik Indonesia, namun akhirnya didiamkan, kebebasannya terhad, malah mendapatkan tekanan atau tindakan penindasan dan menakutkan.

b. Penindasan kebebasan sivil

Kemerosotan demokrasi dapat dikesan sejak penggal pertama kepimpinan Jokowi yang telah komited dan mengutamakan pembangunan ekonomi walaupun berlaku polarisasi (Warburton, 2018) dan dan pandemik covid-19 pada penggal kedua (Fealy, 2020). Untuk mencapai cita-cita pembangunan memberikan kesan kepada regresi demokrasi dan authoritarian yang inovatif (Mietzner, 2019a; T. Power & Warburton, 2020a). Jika melihat hasil tinjauan (*survey*) tentang kebebasan sivil mengalami kemunduran, di mana tahun 2021 sebanyak 39% responden takut bicara tentang politik. Sedangkan, ketakutan penangkapan sewenang-wenangnya ialah 27% pada 2009 dan telah merosot kepada 38% pada 2019. Manakala, ketakutan orang rama memasuki organisasi juga mengalami kemerosotan daripada 10% pada 2019 kepada 20% pada 2021 (Mujani & Liddle 2021 p. 77). Kemerosotan ini berlaku sejak polarisasi di masyarakat ketika Pilihan Raya Presiden tahun 2014. Sementara itu, Jokowi yang telah berundur diri daripada jawatan Gabenor digantikan oleh Ahok (naib Gabenor, Cina-Kristian). Menjelang pilihan raya Gabenor, Ahok telah ditangkap pada kes penodaan agama kerana telah memetik Quran Al-Maidah:51. Peristiwa ini mendorong kumpulan Islam yang menganggotai Gerakan Nasional Pengawal Fatwa Majlis Ulama Indonesia (GNPF-MUI). Aksi protes ini dianggap telah mengganggu kestabilan negara kerana dilakukan berulang, hingga akhirnya beberapa aktivis dan tokoh ditangkap oleh kerajaan atas tuduhan khianat (Marisa Safitri, 2019). Malah isu yang menyerang Rizieq Shihab, pimpinan Front Pembela Islam (FPI), dengan tuduhan lucah dan menghina Pancasila, memaksanya melarikan diri ke Arab Saudi (Velarosedela, 2020).

Dalam kes lain, kerajaan mengambil langkah penindasan terhadap kumpulan Islam dengan alasan ia telah mengancam ideologi Pancasila sebagai satu-satunya ideologi negara. Justeru, Jokowi mengeluarkan peraturan No. 2 Tahun 2017 tentang Pindaan Undang-undang No.17 Tahun 2013 tentang Organisasi Masyarakat. Pelbagai pihak telah menolak peraturan ini kerana dianggap telah membenarkan satu tafsiran peraturan khususnya daripada mereka yang berkuasa dan boleh menyebabkan tindakan penindasan (Sri Pujianti, 2017). Malah kerajaan telah hapuskan artikel mengenai pembubaran pertubuhan massa mesti melalui mahkamah dan akan memberikan sekatan bagi pertubuhan yang tidak mematuhi atau melanggarnya. Beberapa hari kemudian selepas peraturan tersebut dibuat oleh Jokowi, Hizbut Tahrir Indonesia (HTI) secara rasmi dibubarkan kerana telah menyebarkan doktrin negara berasaskan khilafah. Selain itu, penindasan berlaku kepada pengkritik kerajaan atas tuduhan yang sama, ialah khianat kepada negara (Vedi R. Hadiz, 2017, p. 269). Dalam hal ini, Jokowi dan penasihat politiknya melihat lembaga penguatkuasaan undang-undang sebagai alat kerajaan untuk mendakwa kumpulan pembangkang (Power 2018: 328).

Seterusnya, salah satu cara yang digunakan oleh kerajaan untuk menghad kebebasan sivil ialah dengan membuat UU No. 19 tahun 2016 tentang pindaan undan-undang No. 11 tahun 2008 tentang maklumat dan transaksi elektronik (UU ITE). Kerajaan menggunakan undang-undang ini sebagai perisai untuk menjerat pengkritik melalui media baharu atau media sosial. Ini kerana media baharu dianggap sebagai satu cara yang berkesan untuk menggerakkan rakyat untuk menggulingkan rejim seperti yang berlaku di Timur Tengah (Taufik & Iqbal Aulia Rizal, 2018). Sejak UU ITE rasmi berlaku, selama pemerintahan Jokowi ramai warga negara yang didakwa, seperti pada 2017 sebanyak 53 orang, 2018 sebanyak 25 orang dan 2019 sebanyak 24 orang, walaupun jumlah ini cenderung menurun tetapi kembali meningkat pada tahun 2020 yakni sebanyak 84 orang, dan 2021 sebanyak 38 orang. Berdasarkan data *Southeast Asia Freedom of Expression Network* (SAFE-net), pada tahun 2021 sekitar 10 orang (26.3%) adalah aktivis yang menyuarakan hak asasi manusia (HAM), 8 orang (21.1%) menjadi mangsa keganasan dan rakan mereka telah didakwa, 7 orang (18.4%) adalah daripada masyarakat (lihat rajah 1), manakala selebihnya datang daripada jurnal akademik, pelajar buruh, ahli politik dan pertubuhan massa. Ini kerana terdapat artikel yang samar-samar maksudnya iaitu artikel 27 ayat 3 Undang-Undang ITE berkenaan fitnah (Cindy Mutia Annur, 2022) yang dijadikan alat rejim untuk mendakwa pengkritik pemerintah mengikut tafsiran pemerintah.



Sumber: Cindy Mutia Annur, 2022

Rajah 1. Warganegara Didakwa dengan UU ITE

Sekatan ke atas kebebasan bersuara dan ugutan kepada masyarakat sivil berlaku terhadap aktivis dan pelajar yang mengadakan protes. Dalam hal ini, elit politik dan oligarki yang beradaptasi berupaya untuk menghad kritikan daripada media terhadap kerajaan. Ini perlu dilakukan kerana mereka berasa terancam dan mesti mewujudkan keadaan yang mengehadkan kawalan elit (Informan 2 2022; Firman Noor, 2022). Sehingga, kerajaan menggunakan pelbagai peraturan dan undang-undang untuk menyekat dan menindas kebebasan awam. Usaha untuk mengehadkan kebebasan awam di bawah pentadbiran Jokowi terdiri daripada: 1) menangkap dan menahan pengkritik; 2) ugutan pengkritik; 3) melarang mesyuarat dan demonstrasi; 4) menyelia dan memantau aktivis pro-demokrasi. Dalam hal ini, kerajaan menjalankan legalisme autokratik


(Zainal Arifin Mochtar & Idul Rishan, 2022) dengan menggunakan institusi penguatkuasaan undang-undang, menggunakan undang-undang “dimanipulasi” untuk menjerat pengkritik rejim. Ini dilakukan untuk mewajarkan tindakan kerajaan yang melanggar hak individu dan “seolah-olah” mereka mengikut undang-undang yang terpakai.

c. Institusi demokrasi: Manipulasi elit

Kemunduran demokrasi dapat berlaku apabila eksekutif yang dipilih melemahkan pengawasan kuasa eksekutif secara perlahan dari dalam, iaitu mereka menghakis pengawasan institusi (Bermeo, 2016). Ini dilakukan melalui saluran hukum dan merungkai institusi negara yang merdeka, menghadkan kritikan terhadap kerajaan, menghadkan aktiviti pembangkang, baik dalam institusi formal seperti parlimen mahupun dalam pertubuhan sosial atau lembaga bukan negara. Pemerintah eksekutif yang dipilih ketika pilihan raya mencuba meluaskan kuasa eksekutifnya (*executive aggrandizement*), di mana eksekutif penyandang boleh menumpukan kuasa politik dengan cara tidak terlalu terbuka (Bermeo 2016: 10–11). Akibatnya kewujudan dua sisi yang bercanggah, iaitu: pemeliharaan norma demokrasi namun juga menjaga undang-undang sedia ada fleksibel atau tidak dikuatkuasakan secara konsisten. Padahal, kerajaan perlu mengekalkan norma dan fungsi demokrasi berjalan dengan baik, kerajaan eksekutif mesti dapat menahan diri (bersabar) daripada menggunakan undang-undang jenayah, dan toleransi terhadap pembangkang politik yang kritikal (Levitsky & Ziblatt, 2018). Thomas P. Power (2020) menyatakan bahawa kemerosotan demokrasi di Indonesia adalah disebabkan usaha penyandang eksekutif negara mendapatkan dan menggunakan kuasa secara anti-demokrasi. Dalam hal ini, penglibatan pihak eksekutif merupakan salah satu kunci untuk menumbangkan demokrasi di Indonesia. Hujah ini agak logik untuk melihat eksekutif kerajaan Jokowi mengambil peranan penting dengan corak pembesaran eksekutif untuk memaksa agensi penguatkuasaan undang-undang, termasuk menutup mulut pengkritik. Selain itu, beberapa sarjana juga menyatakan bahawa kemerosotan itu berlaku kerana tingkah laku tidak liberal eksekutif (Aspinall & Mietzner 2019) dan giliran Jokowi menjadi autoritarian (Power 2018).

Namun, kemerosotan demokrasi di Indonesia adalah tidak adil jika hanya dilihat dari kuasa eksekutif Jokowi, tetapi ia juga perlu dilihat dari bagaimana pengekalan kuasa di sekeliling Jokowi dan penyatuan golongan elit yang mengelilinginya. Justeru, apabila melihat mengapa presiden sebagai institusi eksekutif cenderung untuk memanipulasi penguatkuasaan undang-undang untuk mengawal kritikan dan menghapuskan *check and balances*, ini adalah corak permainan elit yang telah disesuaikan dengan sistem politik era Reformasi.

Rajah 2 menggambarkan bagaimana corak “berlian” dilakukan oleh golongan elit dalam melemahkan demokrasi semasa pentadbiran Jokowi. Elit yang telah bergerak untuk terus bertahan dalam sistem politik cuba menyatukan kepentingan mereka dengan berkomunikasi antara elit parti politik (contohnya pengerusi umum parti). Parti politik menggesa presiden sebagai lembaga eksekutif segera menggubal undang-undang tertentu untuk dibincangkan bersama di parlimen dan diluluskan menjadi undang-undang. Pentadbiran Jokowi telah meminimumkan fungsi *check and balances* dengan menjemput pembangkang yang sehaluan untuk menyertai kerajaan. Oleh itu, sangat mudah untuk elit parti ini bersatu untuk meluluskan undang-undang tanpa (atau sedikit) tentangan daripada pembangkang.



Rajah 2. Berlian pelemahan demokrasi semasa pentadbiran Jokowi

Undang-undang yang telah dipersetujui dan diluluskan secara autokratik (autokratik legalisme) menjadi asas undang-undang formal bagi kerajaan eksekutif dalam menjalankan kerajaan. Dalam hal ini, undang-undang yang diluluskan adalah undang-undang yang telah melemahkan institusi negara dan boleh menumpukan kuasa politik eksekutif secara terselubung. Contohnya, UU ITE, UU Organisasi Masyarakat (Ormas), UU Mineral dan Arang Batu (*Minerba*). Undang-undang ITE digunakan oleh kerajaan eksekutif untuk mendakwa pengkritik kerajaan dengan alasan fitnah (seperti yang dibincangkan sebelum ini); UU Ormas sebagai asas undang-undang bagi kerajaan eksekutif untuk membubarkan organisasi massa yang dianggap atau menurut tafsiran kerajaan tidak mengikut ideologi negara; Undang-undang Minerba digunakan oleh kerajaan untuk menarik balik kuasa wilayah kepada kerajaan pusat yang berkaitan. Dalam konteks ini, dalam meluluskan UU, parlimen sangat bergantung kepada pemimpin parti (elit parti dan oligarki) yang telah bergerak (*maneuver*); di mana proses pengesahan UU secara formal adalah di parlimen bersama presiden tetapi secara tidak formal ia mesti melaksanakan penyatuan dan proses komunikasi peringkat tinggi oleh pemimpin parti di luar kerajaan. Ini terbukti dengan kelemahan prosedur dalam proses merangka dan meluluskan Omnibus Law. Justeru pelaksanaan fungsi legislatif oleh parlimen telah menunjukkan kebekuan dalam demokrasi. Menurut Asrinaldi, Yusoff dan Karim (2022) bahawa ini disebabkan oleh dominasi oligarki parti yang mengawal prestasi kerajaan eksekutif dan legislatif. Maknanya ialah mereka yang mesti dilobi dalam srtiap penggubalan UU bukan ahli parlimen tetapi pemimpin parti politik. Perkara ini dibenarkan oleh Pengerusi Komisi III Bambang Pacul ketika mengadakan pertemuan pendapat pada 25 Mac 2023 bersama Mahfud MD selaku Menteri Koordinator Politik (Kompas.com, 2023).

Dalam konteks manipulasi elit, institusi demokrasi di Indonesia tidak lagi berfungsi secara optimum berdasarkan norma demokrasi. Terdapat dua sisi yang perlu dilihat berkenaan dengan manipulasi elit dalam proses demokrasi Indonesia, iaitu: 1) berlakunya hakisan melalui kelemahan institusi demokrasi; 2) kejayaan demokrasi adalah berdasarkan kejayaan mengadakan pilihanraya. Oleh itu, satu pihak demokrasi dianggap berjaya tetapi terdapat kemerosotan di bahagian lain. Iza Ding dan Dan Slater (2021) menyatakan terdapat dua jurang, iaitu: antara amalan institusi konstitusi yang berbeza daripada rejim demokrasi; dan matlamat yang ditetapkan oleh institusi demokrasi dan hasil yang mereka hasilkan. Maksudnya, proses pilihan raya demokrasi sedia ada boleh menghadkan kuasa eksekutif tetapi apa yang berlaku ialah selepas dipilih cabang eksekutif digunakan sebagai alat untuk menggerakkan pengundi menyokong agenda yang tidak liberal. Selain itu, penghakisan demokrasi boleh berlaku apabila tokoh berkarisma, popular dan tidak liberal menjadi gergasi pilihan raya (Schedler 2006); yang akhirnya menyerang hak pengkritiknya. Dalam konteks ini, kepimpinan Jokowi telah melakukan *double standard* dalam menjalankan pemerintahan, iaitu: di satu pihak, Jokowi tidak komited terhadap demokrasi, malah beliau “mengelabui” pengundi yang menaruh harapan tinggi kepada Reformasi Indonesia dan menentang penguasaan oligarki. atau golongan elit. Sebaliknya, apabila menjadi pemerintah, Jokowi sebagai wakil badan eksekutif sebenarnya pragmatik. Sikap pragmatik ini menyebabkan dia tidak konsisten dalam membuat keputusan (Taufik et al., 2024). Apa yang sebenarnya berlaku ialah pembuatan dasar cenderung menggunakan ortodoks terselubung. Manakala, keputusan yang diambil adalah hasil manipulasi undang-undang; amalan ini dipanggil Ozan Varol (2015) sebagai *stealth authoritarianism*. Ini dilakukan demi mengelak gelombang protes, mengekalkan kestabilan politik dan keselamatan, malah demi mengukuhkan kedudukan kerajaan atau kumpulan yang berkuasa. Seterusnya, ia akan memberi kesan kepada penindasan secara tersirat atau terselubung.

Kesimpulan

Kemerosotan demokrasi di Indonesia selepas Reformasi telah diketengahkan dalam artikel ini, yang menekankan bahawa penyesuaian golongan elit dalam sistem politik dan ekonomi adalah salah satu punca utama. Di bawah rejim Orde Baru Suharto, golongan elit mendapati mudah untuk membangunkan perniagaan mereka dalam rangka kerja oligarki yang berkait rapat dengan kuasa politik. Walau bagaimanapun, dengan kedatangan zaman Reformasi, elit perniagaan dan oligarki terpaksa membuat komitmen yang lebih aktif kepada kerajaan melalui penglibatan politik yang lebih besar. Kemuncak perubahan ini berlaku semasa pentadbiran Presiden Jokowi, yang menjadi titik penumpuan kepentingan dengan melaksanakan dasar pragmatik. Ironinya, walaupun matlamatnya adalah untuk membawa inovasi dan kecekapan dalam membuat keputusan, ini sebenarnya mengukuhkan kecenderungan ke arah autoritarianisme. Jokowi sendiri terperangkap dalam dinamik politik yang didominasi oleh elit parti dan oligarki yang mendesak agar kepentingan mereka dipenuhi, yang seterusnya memburukkan lagi institusi yang lemah. Akibatnya, kuasa eksekutif menjadi semakin besar, manakala proses membuat dasar dan undang-undang dijalankan dengan kekurangan ketelusan dan ortodoks. Dalam konteks ini, demokrasi di Indonesia mengalami cabaran yang serius, dengan kawalan dan keseimbangan kuasa yang lemah yang semakin mengukuhkan kedudukan elit politik dan ekonomi, mengurangkan ruang untuk penyertaan masyarakat sivil, dan mengancam hak asasi warganegara.

Penghargaan

Kami hendak berterima kasih kepada seluruh informan yang telah meluangkan waktu untuk memberikan berbagai pandangan dalam proses pengkajian ini. Adapun, penyiapan kerja ini sebahagiannya ditaja oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia [FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/3].

Rujukan

- Aspinall, E. (2010). The irony of success. *Journal of Democracy*, 21(2), 20–34.
- Aspinall, E., & Berenschot, W. (2019). *Democracy for sale: Elections, clientelism, and the state of in Indonesia*. Cornell University Press.
- Aspinall, E., & Mada Sukmajati. (2016). *Electoral dynamics in Indonesia: Money politics, patronage and clientelism at the grassroots*. NUS Press.
- Aspinall, E., & Mietzner, M. (2019). Indonesia's democratic paradox: Competitive elections amidst rising illiberalism. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 55(3), 295–317.
- Aspinall, E., Mietzner, M., & Tomsa, D. (2015a). The moderating president: Yudhoyono's decade in power. In E. Aspinall, M. Mietzner, & D. Tomsa (Eds.), *The Yudhoyono presidency: Indonesia's decade of stability and stagnation*. ISEAS Publishing.
- Aspinall, E., Mietzner, M., & Tomsa, D. (2015b). *The Yudhoyono Presidency_ Indonesia's Decade of Stability and Stagnation*. ISEAS Publishing.
- Asrinaldi, Mohammad Agus Yusoff, & Zamzami Abdul Karim. (2022). Oligarchy in the Jokowi government and its influence on the implementation of legislative function in Indonesia. *Asian Journal of Comparative Politics*, 7(2), 189–203.
- Bermeo, N. (2016). On democratic backsliding. *Journal of Democracy*, 27(1), 5–19.
- Boudreau, V. (2009). Elections, repression and authoritarian survival in post-transition Indonesia and the Philippines. *The Pacific Review*, 22(2), 233–253.
- Burhanuddin Muhtadi. (2018). *Buying votes in Indonesia: Partisans, personal networks, and winning margins* [Doctoral Dissertation, Australian National University].
- Cindy Mutia Annur. (2022, July 18). Jumlah warga yang dituntut dengan UU ITE (2013-2021). *Databoks*. <https://databoks.katadata.co.id/datapublish/2022/07/18/hampir-400-orang-dituntut-dengan-uu-ite-dalam-9-tahun-terakhir>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. In *Sage Publications*. Sage Publication, Inc.
- Darmawijaya. (2015). Islam dan kekuasaan orde baru: Membaca kembali politik de-islamisasi soeharto. *Jurnal Sosiologi Reflektif*, 10(1), 63–84.
- Davidson, J. S. (2018). *Indonesia: Twenty years of democracy (Elements in politics and society in Southeast Asia)*. Cambridge University Press.
- Diamond, L. (2002). Elections without democracy: Thinking about hybrid regimes. *Journal of Democracy*, 13(2), 21–35.
- Diamond, L. (2010). Indonesia's place in global democracy. In E. Aspinall & M. Mietzner (Eds.), *Problems of democratisation in Indonesia: Elections, institutions and society* (pp. 21–49). ISEAS.
- Eny Haryati, J., Nasikun, & Moeljarto Tjokrowinoto. (2003). Konfigurasi politik, karakter kebijakan, dan penanggulangan kemiskinan. *Wacana Kinerja*, 6(4), 43–56.

- Fealy, G. (2011). Indonesian politics in 2011: Democratic regression and Yudhoyono's regal incumbency. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 47(3), 333–353.
- Fealy, G. (2020). Jokowi in the COVID-19 era: Repressive pluralism, dynasticism and the overbearing state. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 56(3), 301–323.
- Haggard, S., & Kaufman, R. (2021). *Backsliding*. Cambridge University Press.
- Horowitz, D. L. (2013). *Constitutional change and democracy in Indonesia*. Cambridge University Press.
- Huntington, S. P. (1991). *The third wave: Democratization in the late twentieth century*. University of Oklahoma Press.
- Kompas.com. (2023, April 3). Bambang pacul “Disentil” tak layak jadi anggota DPR. *Youtube*. <https://www.youtube.com/watch?v=ji0HcYHHffM>
- Kurlantzick, J. (2018, November 1). Southeast Asia's populism is different but also dangerous. *Council on Foreign Relations*. <https://www.cfr.org/in-brief/southeast-asias-populism-different-also-dangerous>
- Levitsky, S., & Ziblatt, D. (2018). *How democracies die*. Crown.
- Loxton, J. (2018). Introduction: Authoritarian successor parties worldwide. In *Life after dictatorship: Authoritarian successor parties worldwide* (pp. 1–49). Cambridge University Press.
- Macintyre, A., & Ramage, D. E. (2008). Seeing Indonesia as a normal country: Implications for Australia. In *Seeing Indonesia as a normal country: Implications for Australia*. Australian Strategic Policy Institute.
- Mansfield, E. D., & Snyder, J. (2002). Democratic transitions, institutional strength, and war. *International Organizations*, 56(2), 297–337.
- Mansfield, E. D., & Snyder, J. (2005). *Electing to fight: Why emerging democracies go to war*. Harvard University.
- Marisa Safitri. (2019, May 16). Ini deretan kasus makar selama pemerintahan Jokowi. *Idntimes.Com*. <https://www.idntimes.com/news/indonesia/marisa-safitri-2/ini-deretan-kasus-makar-selama-pemerintahan-jokowi?page=all>
- Michael Hangga Wismabrata. (2019, April 29). 7 fakta aksi caleg gagal terpilih, minta kembali bantuan aspal hingga meninggal karena serangan jantung. *Kompas.Com*. <https://regional.kompas.com/read/2019/04/29/09544641/7-fakta-aksi-caleg-gagal-terpilih-minta-kembali-bantuan-aspal-hingga?page=all>
- Mietzner, M. (2012). Indonesia's democratic stagnation: Anti-reformist elites and resilient civil society. *Democratization*, 9(2), 209–229.
- Mietzner, M. (2015). *Reinventing asian populism: Jokowi's rise, democracy, and political contestation in Indonesia*. East-West Center.
- Mietzner, M. (2019a). Authoritarian innovations in Indonesia: Electoral narrowing, identity politics and executive illiberalism. *Democratization*, 27(6), 1021–1036.
- Mietzner, M. (2019b). Indonesias electoral system: Why it needs reform. www.newmandala.org/indonesia-electoral-reform
- Mudde, C., & Kaltwasser, C. R. (2017). *Populism: A very short introduction*. Oxford University Press.
- Neuman, W. L. (2014). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (Seventh Ed). Pearson Education Limited.
- Pepinsky, T. B. (2014). Political islam and the limits of the Indonesian model. *Taiwan Journal of Democracy*, 10(1), 10–121.

- Power, T. P. (2018). Jokowi's authoritarian turn and Indonesia's democratic decline. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 54(3), 307–338.
- Power, T. P. (2020). Assailing accountability: Law enforcement politicisation, partisan coercion and executive aggrandisement under the Jokowi administration. In T. P. Power & E. Warburton (Eds.), *Democracy in Indonesia: From stagnation to regression?*. ISEAS.
- Robison, R., & Vedi R. Hadiz. (2004). *Reorganising power in Indonesia: The politics of oligarchy in an age of markets*. Routledge.
- Saiful Mujani, & Liddle, R. W. (2021). Indonesia: Jokowi sidelines democracy. *Journal of Democracy*, 32(4), 72–86.
- Skaaning, S. E. (2020). Waves of autocratization and democratization: A critical note on conceptualization and measurement. *Democratization*, 27(8), 1533–1542.
- Slater, D. (2018). Party cartelization, Indonesian-style: Presidential power sharing and the contingency of democratic opposition. *Journal of East Asian Studies*, 18(1), 23–46.
- Sri Pujianti. (2017, October 3). Ahli: Perppu ormas timbulkan tindakan represif. *Mahkamah Konstitusi Republik Indonesia*.
<https://www.mkri.id/index.php?page=web.Berita&id=14020>
- Taufik, & Iqbal Aulia Rizal. (2018). Penumbangan rezim melalui gerakan masyarakat dunia maya (Media Sosial) di Timur Tengah. *Indonesian Journal of International Relations*, 2(2), 20–29.
- Taufik, Nadzri, M. M. N., & Hamil, J. Hj. (2023a). Declining democracy: Autocratization in Indonesia during the Jokowi years. *Otoritas: Jurnal Ilmu Pemerintahan*, 13(2), 333–351.
- Taufik, T., Nadzri, M. M. N., & Hamil, J. (2023b). The elite construction post-authoritarianism Suharto. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(6), e002335.
- Taufik, T., Nadzri, M. M. N., & Hj. Hamil, J. (2024). Kepimpinan Jokowi di Indonesia: Populis atau pragmatik?. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21(1), 74-87.
- Tomsa, D. (2010a). Indonesian politics in 2010: The perils of stagnation. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 46(3), 309–328.
- Tomsa, D. (2010b). The Indonesian party system after the 2009 elections: Towards stability?. In E. Aspinall & M. Mietzner (Eds.), *Problems of democratisation in Indonesia* (pp. 141–159). ISEAS.
- Vedi R. Hadiz. (2017). Indonesia's year of democratic setbacks: Towards a new phase of deepening illiberalism?. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 53(3), 261–278.
- Velarosdela, R. N. (2020, November 4). Riwayat pelarian Riziew Shihab ke Arab Saudi hingga Pulang. *Kompas.Com*.
<https://megapolitan.kompas.com/read/2020/11/04/12565741/riwayat-pelarian-rizieq-shihab-ke-arab-saudi-hingga-memutuskan-pulang?page=all>
- Warburton, E. (2018). Deepening polarization and democratic decline in Indonesia. In T. Carothers & A. O'Donohue (Eds.), *Political polarization in South and Southeast Asia: Old divisions, new dangers* (pp. 25–40). Carnegie Endowment for International Peace.
- Warburton, E., & Aspinall, E. (2019). Explaining Indonesia's democratic regression: Structure, agency and popular opinion. *Contemporary Southeast Asia*, 41(2), 255–285.
- Zainal Arifin Mochtar, & Idul Rishan. (2022). Autocratic legalism: The making of Indonesian omnibus law. *Yustisia Jurnal Hukum*, 11(1), 29-41.